



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

# Berita STATS

www.dosm.gov.my | Edisi : Jul-Dis 2016 | Bil. 2/2016 | No. ISSN : 0128 8563



## Sesi Perkenalan dan Taklimat Bersama YB Datuk Abdul Rahman Dahlan Menteri di JPM

berita penuh di ms 05

ms 07

Majlis Menandatangani  
Perjanjian bagi penganjuran  
Kongres ISI-WSC 2019

ms 16

Majlis Perasmian  
Pelancaran StatsDW

ms 28

Majlis Sanjungan Budi  
Sejambak Kasih

## Sidang Redaksi

### Penasihat

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan  
Ketua Perangkawan Malaysia

### Ketua Pengarang

Tuan Haji Azahari Mohd Raslan  
Timbalan Ketua Perangkawan  
(Program Ekonomi)

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Rafizla Ramli  
Pengarah Bahagian Korporat dan Khidmat  
Pengguna

### Pengarang

Encik Khairolnizam Hassan (BKKP)  
Encik Azmi Ali (Unit Integriti)  
Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)  
Cik 'Amirah Nur Ahmad (BKKP)  
Puan Zulina Jusoh (BKKP)  
Puan Siti Iesnorhana Ibarahim (BKKP)

### Setiausaha

Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)

### Editor

Encik Yusmizan Hat (BMP)  
Puan Azrin Ahmad (BKD)

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya.

TEL: 03-8885 7000  
FAKS: 03-8888 9248

E-MEL: [jpdkkp@stats.gov.my](mailto:jpdkkp@stats.gov.my)  
PORTAL: [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)

Bil. 2 / Edisi 2016

# KANDUNGAN

Julai - Disember 2016

- |   |  |
|---|--|
| <p><b>03</b> Perutusan Ketua Perangkawan</p> <p><b>04</b> Tinta Pengarang</p> <p><b>05</b> Sesi Perkenalan dan Taklimat Bersama YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri</p> <p><b>06</b> Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) 2016</p> <p><b>07</b> Majlis Menandatangani Perjanjian bagi penganjuran Kongres ISI-WSC 2019</p> <p><b>08</b> Majlis Jasamu Dikenang DOSM</p> <p><b>09</b> Majlis Jasamu Dikenang</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tuan Haji Sabri Omar</li><li>• Encik Tan Keng Chuan &amp; Cik Sa'adiah Ahmad</li></ul> <p><b>10</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Majlis Sanjungan Budi YBrs. Tuan Haji Ismail bin Yusoff</li><li>• Sesi Bicara Eksekutif "Statistik di Hatiku"</li></ul> <p><b>11</b> Majlis Sambutan Hari Integriti 2016</p> <p><b>12</b> Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri</p> <p><b>13</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Majlis Menandatangani MoU bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia</li><li>• Sesi Interaktif bersama Responden</li></ul> <p><b>14</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Statistics Talk 2016</i> bersama pelajar Universiti dan Agenzi Kerajaan</li><li>• Program Statistik Sekolah</li></ul> <p><b>15</b> Pameran</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• MyStats 2016</li><li>• JPA4U Week 2016 @ C1</li></ul> | <p><b>16</b> Majlis Perasmian Pelancaran StatsDW</p> <p><b>17</b> Majlis Pelancaran KICK OFF StatsBDA</p> <p><b>18</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah</li><li>• Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Jabatan</li></ul> <p><b>19</b> Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Jabatan Perdana Menteri 2016</p> <p><b>20</b> Kunjungan Hormat</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Unit Khas Strategik, JPM</li><li>• Konsultan Projek SEEA</li><li>• <i>International Civil Service Commission (ICSC)</i></li><li>• Majlis Profesor Negara</li><li>• Bekas Pelajar UKM</li></ul> <p><b>22</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Lawatan Akademik Dalam Negara</li><li>• Lawatan Luar Negara</li></ul> <p><b>23</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Lawatan Luar Negara</li></ul> <p><b>24</b> <i>Statistical Training Course for Asean Member States</i></p> <p><b>25</b> <i>Training Workshop on the SEEA</i></p> <p><b>26</b> Hari Sukan Negara</p> <p><b>27</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pertandingan Bowling DOSM 2016</li><li>• Kejohanan Futsal Tertutup DOSM</li><li>• Pertandingan Bowling Inter Agenzi JPM 2016</li></ul> <p><b>28</b> Majlis Sanjungan Budi Sejambak Kasih</p> |
|---|--|



# PERUTUSAN

## KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Statistik.**

Dengan rasa penuh rendah diri, saya mengambil kesempatan untuk memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat sekali lagi kita bersua dalam Berita Stats, Jabatan Perangkaan Malaysia. Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi yang telah berusaha untuk menerbitkan Berita Stats keluaran kedua bagi tahun 2016.

Tahun 2016 yang ditinggalkan telah melakar beberapa kejayaan dan pencapaian oleh Jabatan Alhamdulillah, dengan semangat kerja berpasukan dan kebertanggungjawaban yang tinggi oleh seluruh warga Jabatan membolehkan aktiviti yang dirancang untuk sepanjang tahun 2016 tercapai. Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015 – 2020 telah melepassi tahun kedua pelaksanaannya. Pelaksanaan aktiviti dipantau setiap separuh tahun dan aktiviti telah diselaraskan dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Seterusnya, kita amat berbangga kerana telah berjaya menerbitkan 282 penerbitan serta beberapa lagi produk baharu. Jika dilihat statistik yang diterbitkan kebelakangan ini, laporan berkenaan menjuruskan kepada statistik di peringkat negeri mahu pun daerah. Ini jelas menunjukkan bahawa statistik yang dikeluarkan Jabatan diperlukan di peringkat mikro di mana perancangan pihak kerajaan pada masa kini lebih fokus dan spesifik.

Kejayaan yang diraih dalam pembidaan menjadi tuan rumah bagi menganjurkan 62<sup>nd</sup> *World Statistics Congress of the International Statistical Institute* (ISI WSC) di Kuala Lumpur pada tahun 2019 telah pun disahkan. Majlis menandatangani perjanjian antara Jabatan Perangkaan Malaysia bersama *International Statistical Institute* (ISI) telah pun diadakan pada 14 November 2016 yang lalu.

Kongres ini akan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 2019 merupakan anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia serta sokongan Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB).

Jabatan Perangkaan Malaysia telah berjaya mendapat pensijilan EKSA daripada MAMPU di bawah Kategori Cemerlang. Sahlaku pensijilan ini adalah selama 2 tahun bermula 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2018. Jabatan perlu melaksanakan Penilaian Kendiri (*Self Assessment*) selepas satu (1) tahun daripada tarikh pensijilan. Diharap dengan memperoleh sijil EKSA ini, Jabatan Perangkaan Malaysia akan diletakkan pada satu standard yang lebih baik dan disegani. Tahniah diucapkan!

Penutup kalam, selaku Ketua Perangkawan Malaysia yang telah berkhidmat untuk sebelas edisi keluaran Berita Stats, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja DOSM yang telah bersama-sama saya dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Saya yakin dengan usaha yang berterusan dan semangat yang ada pada warga DOSM untuk terus memberikan yang terbaik dan menyumbang kepada kejayaan DOSM untuk mencapai visi yang ditetapkan iaitu sebagai agensi statistik yang terbilang di dunia menjelang tahun 2020.

Sekian, wassalam.

# TINTA PENGARANG

**TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN  
PROGRAM EKONOMI**

**YBrs. Tuan Hj. Azahari Mohd Raslan**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Statistik.**

Syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas kurniaaNya, sekali lagi kita bersua di Berita Stats keluaran 2/2016. Buletin pada edisi ini dimuatkan dengan pelbagai aktiviti dan program yang telah diadakan sepanjang Julai hingga Disember 2016. Setengah tahun telah berlalu, Jabatan terus memikul tanggungjawab dan cabaran untuk melaksanakan serta menjayakan pelbagai aktiviti atau program yang dirancang bagi tahun ini.

Sepanjang setengah tahun kedua 2016, pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh Jabatan. Antaranya ialah Sesi Bicara Eksekutif “Statistik di Hatiku”, Majlis Sanjungan Budi Tuan Hj. Ismail Yusoff, Majlis Jasamu Dikenang untuk warga Jabatan yang telah bersara wajib dan Sesi Perkenalan & Taklimat bersama YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, Jabatan telah memberikan *StatsTalk* kepada Universiti Sains Malaysia dan Universiti Multimedia serta beberapa agensi separa kerajaan yang lain. Persidangan Statistik (MyStats) 2016 juga telah diadakan pada 15 November 2016 iaitu sehari selepas Jabatan menandatangani perjanjian bersama *International Statistical Institute* bagi tujuan penganjuran World Statistics Congress 2019. Pada penghujung tahun 2016, Jabatan telah melancarkan gudang data khas atau lebih dikenali sebagai Statistics Data Warehouse (StatsDW). Pelancaran Kick Off StatsBDA

yang merupakan platform pemodenisasiyan statistik rasmi negara juga telah diadakan pada 2 Disember 2016. Sesungguhnya, program berterusan ini jelas menunjukkan bahawa Jabatan semakin penting dalam arena perancangan dasar dan pembangunan negara.

Warga Jabatan sekalian,

Berita Stats keluaran 2/2016 merupakan siri pertama untuk saya selaku Ketua Pengarang bagi mengantikan Tuan Hj. Ismail Yusoff yang telah bersara wajib dari perkhidmatan awam. Saya ingin menyeru kepada warga Jabatan untuk sama-sama memberikan kerjasama melalui sumbangan artikel dan idea bagi setiap keluaran yang akan datang. Saya berharap supaya Berita Stats ini akan terus signifikan sebagai wadah utama dalam menyampaikan maklumat berkenaan aktiviti Jabatan kepada warga Jabatan khususnya dan masyarakat secara amnya.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Berita Stats 2/2016 yang telah bertungkus lumus menyediakan bahan dan menyiapkan keluaran ini dengan lebih awal. Semoga kita semua mendapat manfaat dari wakalah ini yang merupakan antara medium perantara untuk menyalurkan informasi jabatan kepada warganya.

Salam hormat.

**“The only way to do great work is to love what you do”**

# **SESI PERKENALAN DAN TAKLIMAT BERSAMA YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri**



**PUTRAJAYA** 9 Ogos 2016 – Sesi Perkenalan dan Taklimat bersama YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan di Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada sesi tersebut, YB Menteri telah menekankan fokus utama kerajaan iaitu Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Dalam konteks Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan disarankan agar merakyatkan statistik supaya rakyat Malaysia menggunakan statistik dalam kehidupan seharian dan membudayakan keputusan berdasarkan bukti. YB Menteri turut menegaskan kepentingan penyebaran data secara infografik dan dimuat naik ke media interaktif seperti *facebook* dan *twitter* dalam menyalurkan maklumat yang tepat dan terkini kepada masyarakat. Ia bersesuaian dengan generasi kini yang berorientasikan teknologi maklumat bagi mendapatkan info-info terkini.





## PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA (MyStats) 2016

KUALA LUMPUR 15 November 2016 - Persidangan Statistik Malaysia Ke-4 (MyStats) 2016 telah dianjurkan secara bersama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Persidangan yang bertemakan "Memperkasa Penggunaan Statistik dalam Keputusan dan Inovasi" ini telah dirasmikan oleh YB. Senator Dato' Sri Devamany A/L S Krishnasamy. Persidangan ini dapat menggalakkan komuniti statistik untuk menerokai inovasi dalam bidang sains statistik serta mempromosikan kepentingan statistik dalam membuat keputusan berdasarkan bukti.

MyStats 2016 bertujuan menyediakan ruang kepada pengamal dan pengguna statistik dan aplikasinya dalam pelbagai bidang untuk berbincang, bertukar idea serta mengetengahkan isu dan cabaran dalam penyusunan dan komunikasi statistik untuk analisis dan penggubalan dasar. Persidangan ini dapat membuka peluang untuk mempertingkatkan perbincangan dan kerjasama dalam kalangan perangkawan, penyelidik dan pengguna untuk memperkuuh pelbagai bidang sains statistik termasuk metodologi, aplikasi dan penggunaan statistik untuk keputusan dan inovasi.

Persidangan ini telah dihadiri lebih 500 peserta dari sektor awam dan swasta serta pengguna dan pembekal statistik. Kira-kira 30 orang pembentang yang berpengalaman dalam bidang penyusunan dan analisis statistik telah berkongsi pandangan dan pengalaman mereka, seterusnya memberi idea baru yang amat bernilai untuk penambahbaikan bidang sains statistik. Pembentang jemputan untuk sidang plenari ialah Dr. Pedro Luis do Nascimento Silva, Presiden *International Statistical Institute* (ISI), dan Dato 'Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Bekas Pengarah *United Nation Statistics Division* (UNSD), Profesor Dr. Paul Cheung adalah antara personaliti ternama yang telah menjadi ahli panel. Pembentang dari agensi dan institusi dari negara lain termasuk dari University College London, Bangko Sentral ng Pilipinas, Autoriti Monetari Brunei Darussalam dan Bank Indonesia. Perbincangan dalam persidangan ini turut memberi tumpuan kepada penggunaan statistik dalam bidang kewangan, ekonomi dan sosioekonomi sebagai menyokong perancangan dan penggubalan dasar negara.

Bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda menyertai pekerjaan dalam bidang statistik, satu sesi khusus bersama perangkawan muda turut diadakan dalam persidangan pada tahun ini. Sesi ini dapat memberi peluang kepada perangkawan muda, termasuk pelajar dan pengamal statistik yang baru mulakan kerjaya dalam bidang ini berkongsi pengalaman dan berbincang tentang masa depan, isu dan cabaran serta peluang dalam bidang sains statistik.

Semasa persidangan ini, pameran kerjaya mini telah dianjurkan untuk mempromosikan pelbagai prospek kerjaya dalam bidang sains statistik. Penyertaan ke persidangan dan pameran kerjaya ini adalah percuma.





## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN BAGI PENGANJURAN KONGRES ISI-WSC 2019

**KUALA LUMPUR** 14 November 2016 - Malaysia yang mewakili benua Asia Pasifik dengan rasmiinya telah dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran Kongres International Statistical Institute - WSC yang ke-62 pada tahun 2019.

ISI-WSC 2019 ini bakal dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia serta sokongan Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB). International Statistical Institute (ISI) ditubuhkan pada 1885 dan merupakan Pertubuhan Profesional Statistik Antarabangsa yang tertua di dunia dengan keahlian melebihi 130 negara dan 100 organisasi. Pertubuhan ini bergiat secara aktif dan menerajui perkembangan bidang sains statistik di peringkat antarabangsa.

Majlis Menandatangani Perjanjian bagi penganjuran Kongres ISI-WSC 2019 di antara kerajaan yang diwakili oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan ISI telah disempurnakan pada 14 November 2016 oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan Mr Pedro De Silve, President of International Statistical Institute serta disaksikan oleh YBhg. Datuk Muhammad Ibrahim, Gabenor Bank Negara.

Ia juga turut dihadiri oleh Prof. Helen MacGillivray, Presiden Elect ISI, YBhg.Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengurus Kumpulan Permodalan Nasional Berhad yang

merupakan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara serta wakil rakan strategik, penganalisis industri terpilih dan agensi kerajaan berkaitan. Sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan WSC 2019 amat diharapkan memartabatkan nama Malaysia di arena antarabangsa dalam bidang statistik.

Kejayaan Malaysia menjadi tuan rumah untuk persidangan ISI-WSC 2019 secara langsung dapat mempertingkatkan literasi statistik di dalam negara. Melalui rangkaian hubungan yang terjalin dengan komuniti statistik tempatan dan antarabangsa, kepakaran di dalam bidang sains aplikasi, penyelidikan dan inovasi statistik dapat diperkuuhkan. Pelbagai pihak yang terdiri daripada pengguna utama (*stakeholders*), institusi penyelidikan dan komuniti statistik serta masyarakat bakal mendapat manfaat daripada penganjuran ini.

Persidangan WSC 2019 disasarkan akan menarik lebih 3,000 peserta dari dalam dan luar negara. Ia merupakan platform bagi membincangkan perkara berkaitan dengan bidang sains statistik dan dijangka sebanyak 1,300 kertas pembentangan merangkumi pelbagai bidang termasuk pembangunan lestari, ekonomi dan yang berkaitan data revolusi dan modenisasi dibentangkan.



# MAJLIS JASAMU DIKENANG WARGA DOSM



**PUTRAJAYA** 20 Oktober 2016 – Majlis Jasamu Dikenang telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis ini adalah bertujuan untuk memberi penghargaan kepada warga DOSM yang telah dan akan bersara atas komitmen serta kesungguhan mereka melaksanakan tugas yang diamanahkan selama ini. Mereka juga telah berusaha merakyatkan perkhidmatan awam dengan fokus utama ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan

yang berkualiti, mudah diterima serta mengutamakan pelanggan.

Seramai 90 orang pesara dan bakal pesara sesi 2015/2016 telah diraikan dalam majlis tersebut. Encik Mahmud bin Jamaludin, mantan Pengerusi Kesatuan Pembantu Perangkaan telah berucap semasa majlis tersebut sebagai wakil kepada semua warga DOSM yang diraikan.



# **MAJLIS JASAMU DIKENANG**

## **YBrs. Tuan Haji Sabri Omar**

**PUTRAJAYA** 19 Julai 2016 – Majlis Jasamu Dikenang sempena persaraan YBrs. Tuan Haji Sabri Omar, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Maklumat anjuran Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah diadakan di Kelab Tasik Putrajaya.

Seramai 100 orang warga Jabatan telah hadir ke majlis tersebut sebagai tanda penghargaan kepada jasa yang telah diberikan oleh YBrs. Tuan Haji Sabri Omar sepanjang berkhidmat di Jabatan.



# **MAJLIS SANJUNGAN BUDI**

## **Encik Tan Keng Chuan & Cik Sa'adiah Ahmad**

**PUTRAJAYA** 26 Oktober 2016 – Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah menganjurkan Majlis “A Chapter with Mr. Tan Keng Chuan & Ms. Sa'adiah Ahmad”.

Sebagai menghargai kepada jasa yang telah diberikan, seramai 100 orang warga Jabatan telah hadir ke majlis tersebut.



# MAJLIS SANJUNGAN BUDI YBrs. Tuan Haji Ismail bin Yusoff TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN Program Ekonomi

PUTRAJAYA 1 September 2016 – Majlis Sanjungan Budi YBrs. Tuan Haji Ismail Yusoff, Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi) telah berlangsung di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya bersempena dengan persaraan beliau pada 2 September 2016. Majlis ini telah dihadiri oleh 250 warga Jabatan dan dapat ditonton secara langsung oleh semua warga DOSM di seluruh negara melalui siaran *live streaming*.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau selama 36 tahun, pelbagai pengalaman manis dan pahit telah dilalui. Tayangan montaj yang mengimbau kembali memori manis tersebut telah dipertontonkan.

Berucap dalam majlis tersebut, YBrs. Tuan Haji Ismail Yusoff menyentuh tiga perkara iaitu pengalaman dan tanggungjawab beliau di Jabatan; harapan meneruskan visi, misi dan objektif Jabatan; serta pesanan kepada warga DOSM. Antara pesanan beliau adalah warga DOSM perlu menjaga serta mengamalkan integriti yang tinggi sama ada dalam kehidupan sehari-hari atau ketika melaksanakan tanggungjawab di Jabatan.



## SESI BICARA EKSEKUTIF “Statistik di Hatiku”

PUTRAJAYA 26 Julai 2016 – Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) telah menganjurkan sesi Bicara Eksekutif bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya bersama YBrs. Tuan Haji Ismail Yusoff. Pada sesi ini, beliau telah menzahirkan pengalaman sepanjang 36 tahun berkhidmat di Jabatan.

Di akhir sesi, YBrs. Tuan Haji Ismail Yusoff telah mendeklamasikan sebuah sajak khas buat warga Jabatan

*“Jagalah Jabatan hingga ia relevan sepanjang hayat..  
jawatan yang tertinggi hanya satu sahaja... kita perlu  
bersetuju dengan keputusan yang dibuat... pelihara  
perhubungan... hanya ada satu nakhoda dalam satu kapal...  
berfikiran terbuka... hormat kepada ketua kita... banyakakan  
perbincangan... jangan tidak puas hati sepanjang masa...  
setiap kekusutan perlu diselesaikan dengan baik... komunikasi  
ke atas dan ke bawah perlu baik... tidak bersetuju dengan  
ketua perkara biasa... tetapi hormati/ikut keputusan Ketua  
yang telah dibuat... sentiasa memaafkan semua sebelum  
tidur... jangan terikat dengan orang kerana marah kita... sifat  
saling menghormati adalah sah sama...”*





**PUTRAJAYA** 25 November 2016 - Majlis Sambutan Hari Integriti 2016 telah diadakan di Dewan Anggerik, disertai seramai 300 orang peserta. Majlis ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang integriti dalam kalangan warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Program utama pada sambutan kali ini adalah sesi forum yang bertajuk Forum Integriti: ISIS, Islam dan Ektremisme Global. Forum ini dikendalikan oleh Encik Azmi Ali, Ketua Unit Integriti DOSM dan dua ahli panel, iaitu Tuan Superintendant Ahmad Norisham Ma'aeus dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan YBhg. Ustaz Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain forum, pameran turut diadakan bagi mempromosikan inisiatif dan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan terpilih. Agensi kerajaan yang telah menyertai pameran adalah PDRM, Jabatan Insolvensi, Institut Integriti Malaysia, Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Majlis Sambutan Hari Integriti 2016 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan dan sekaligus melancarkan Buku Pelan Integriti DOSM 2016-2020 (PID). PID ini telah dirangka selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020. Pelaksanaan PID adalah merupakan usaha murni Jabatan untuk memantapkan sistem penyampaian dan tadbir urus terbaik berlandaskan integriti serta memperkuuhkan asas moral dan membudayakan integriti dalam kalangan warga DOSM.

Setiap warga DOSM seharusnya menjadikan integriti sebagai komitmen untuk memperkasakan budaya integriti di Jabatan dengan:

1. Mematuhi undang-undang, dasar dan peraturan dalam melaksanakan tugas;
2. Menepati janji, komited dan bertanggungjawab ke atas tugas mahupun tindakan;
3. Memberi layanan dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan penuh mesra dan prihatin; dan
4. Bekerja secara berpasukan dan saling menghormati dalam menyempurnakan tugas.



# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT JABATAN PERDANA MENTERI 2016

**PUTRAJAYA** 9-10 Ogos 2016 – Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Jabatan Perdana Menteri 2016 telah berlangsung di Auditorium Jabatan Perdana Menteri, Kompleks JPM, Putrajaya. Kumpulan Q-Stats dari JP Negeri Sarawak dan Kumpulan V-Tech dari

Bahagian Pengurusan Maklumat telah mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia dan memenangi tempat ketiga bagi kategori pengurusan dan teknikal. Berikut adalah keputusan penuh bagi pertandingan tersebut:

KATEGORI TEKNIKAL	KATEGORI PENGURUSAN
Johan: Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Tajuk: Kekurangan Peralatan Latihan dan Operasi yang Sedia Ada	Johan: Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Tajuk: Penambahbaikan Pengeluaran Perintah Kes Sulh di Mahkamah Wilayah Persekutuan
Naib Johan: Lembaga Tabung Haji Tajuk: Ketidaktepatan Data Kehadiran Peserta Kursus Adalah Tinggi	Naib Johan: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Tajuk: Asnaf Bergelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
<b>Tempat Ketiga: Jabatan Perangkaan Malaysia</b> Tajuk: Ketidakcekapan Pengurusan Latihan bagi Penjanaan Laporan Statistik Negara	<b>Tempat Ketiga: Jabatan Perangkaan Malaysia</b> Tajuk: Kesukaran Menyediakan Rangka Pertubuhan Perniagaan Baharu di Negeri Sarawak





# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA



**KUALA LUMPUR** 28 November 2016, Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Jabatan Perangkaan Malaysia bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah diadakan di pejabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bukit Kiara.

Kerjasama strategik ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi melalui perkongsian data dan maklumat perangkaan. Melalui pemeteraian MoU yang ke-11, Jabatan Perangkaan Malaysia akan menerima data berkaitan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan pasaran modal yang berdaftar dan di bawah seliaan SC Malaysia.

Majlis menandatangani perjanjian ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Dato' Ahmad Fairuz Zainol Abidin, Timbalan Ketua Eksekutif, SC Malaysia. Kerjasama strategik ini merupakan langkah Jabatan dalam melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

## SESI INTERAKTIF BERSAMA RESPONDEN

**SUNGAI UDANG, MELAKA** 4 Ogos 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka telah mengadakan sesi interaktif dengan tema Penyiasatan Pendapatan dan Kemudahan Asas serta Perbelanjaan Isi Rumah 2016/2017 (HIES). Seramai 182 peserta telah menghadiri sesi ini yang terdiri daripada pemimpin masyarakat (Ketua Kampung, Ketua Komuniti/ JKKA/ Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Pihak Berkua Tempat (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta wakil dari pelbagai Agensi Kerajaan Negeri Melaka dan Agensi Kerajaan Persekutuan.

Sesi interaktif yang dianjurkan oleh Bahagian Butiran Perkara dan JP Negeri setiap tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan Jabatan. Program ini turut menjadi platform bagi mengaspirasikan kepentingan maklumat statistik yang disumbangkan oleh komuniti perniagaan mahu pun masyarakat dalam pembangunan negara. Sesi interaktif ini juga berperanan dalam mengukuhkan hubungan kerjasama Jabatan dengan komuniti perniagaan serta masyarakat di samping mempromosikan penggunaan statistik dan seterusnya melahirkan komuniti celik statistik (*statistics literate*).



# STATISTICS TALK 2016 BERSAMA Pelajar Universiti dan Agensi Kerajaan

DOSM telah mengadakan *Statistics Talk* di dua universiti tempatan dan lima agensi kerajaan sepanjang Julai hingga Disember 2016. Program ini melibatkan pensyarah, pelajar universiti dan agensi kerajaan yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman

dan pengetahuan pelajar universiti dan agensi kerajaan berkenaan fungsi, produk dan perkhidmatan Jabatan. Ia juga dapat meningkatkan literasi statistik dalam kalangan pengguna untuk menggunakan statistik rasmi negara bagi keperluan pengajian kepada pelajar dan keperluan pekerjaan kepada agensi kerajaan.



BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TAJUK PENGISIAN & PEMBENTANG
1.	Universiti Sains Malaysia (USM)	27 September 2016	<i>The Importance of Applied Statistics in Life</i>
2.	Multimedia Universiti (MMU)	25 Oktober 2016	Penggunaan Data Mikro
3.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	2 November 2016	<i>Registers and Administrative Data-gold Mining for Official Statistics</i>
4.	BioEconomy Corporation	3 November 2016	Pembinaan Indeks - Metodologi dan Cabaran
5.	Bernama	8 November 2016	Kepentingan Statistik dalam Kehidupan dan Penggunaan Data Ekonomi Dalam Industri
6.	SME Corp.	30 November 2016	<i>Understanding the Detail Concept of Balance of Payment</i>
7.	Bank Negara Malaysia	9 Disember 2016	- <i>Distribution and Use of Income Accounts and Capital Accounts Compilation and Interpretation</i> - <i>Malaysia's Input-Output Tables, 2010: Methodology and Interpretation</i>
8.	SME Corp.	15 Disember 2016	<i>Understanding the Concept of Input-Output Table</i>

## PROGRAM STATISTIK SEKOLAH

**SUNGKAI, PERAK** 19 November 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan program statistik untuk pelajar sekolah di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM). Tujuan program adalah untuk meningkatkan literasi dalam kalangan pelajar, memperluaskan penggunaan statistik rasmi negara dalam bidang pembelajaran di sekolah dan mempromosikan produk dan perkhidmatan statistik yang disediakan oleh Jabatan.

Penyertaan adalah daripada tiga buah sekolah di daerah Batang Padang iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Slim River, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungkai dan Sekolah Menengah Sains Tapah. Bilangan pelajar yang hadir adalah 60 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 3 dan 4.

Program statistik ini dibahagikan kepada dua slot iaitu:

- i. Statistik dan Kehidupan - pelajar didedahkan dengan konsep asas statistik melalui pembentangan, kuiz dan latihan dalam kumpulan.
- ii. *Running Stats* - Aktiviti "treasure hunt" telah dijalankan di sekitar ILSM dengan pengisian yang berkaitan 'Statistik Rasmi Negara'.



# PAMERAN MyStats 2016


KUALA LUMPUR 15 November 2016 - Persidangan Statistik Malaysia Ke-4 (MyStats 2016) anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) telah diadakan di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Tema persidangan pada kali ini adalah *Strengthening Statistical Usage for Decisions and Innovation*.

Satu pameran kerja mini telah dianjurkan dengan penyertaan daripada institusi yang memerlukan kepakaran perangkawan atau pegawai penyelidik di organisasi yang terlibat. Penyertaan bagi persidangan dan pameran kerja adalah percuma.



## JPA4U WEEK 2016 @ C1

PUTRAJAYA 7-11 November 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyertai Pameran JPA4U Week 2016 @ C1 di Kompleks C, Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Penganjuran program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini kepada warga JPA khususnya dan warga Kompleks C amnya mengenai pengurusan kewangan, kesihatan, keselamatan, keusahawanan kerajaan dan swasta melalui siri pameran dan sesi taklimat.




# MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN StatsDW

**PUTRAJAYA** 28 November 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan Majlis Perasmian Pelancaran *Statistics Data Warehouse* (StatsDW) yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan. Syabas dan tahniah kepada pasukan kerja StatsDW atas semangat dan komitmen yang amat tinggi dalam memastikan kejayaan pembangunan StatsDW. StatsDW terdiri daripada dua modul; *external* dan *internal*. Modul *external* secara rasminya telah menemui pengguna pada 30 Jun 2016 menerusi portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, manakala *soft launch* bagi modul *internal* pula telah disempurnakan pada 13 Oktober 2016.

Kemudahan yang disediakan menerusi StatsDW adalah setanding dengan kemudahan agensi statistik antarabangsa yang lain seperti Canada, Netherlands, Korea dan sebagainya. Kejayaan pembangunan StatsDW ini dapat menjadi pemangkin kepada Jabatan dalam mencapai visinya untuk menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang tahun 2020 selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020. Setelah 4 bulan StatsDW dilancarkan, hits capaian adalah sebanyak 194,000 dengan bilangan pengguna seramai 9,800 orang.





**PUTRAJAYA** 2 Disember 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan *Kick Off* bagi Projek StatsBDA. Projek ini merupakan satu platform pemodenisasian statistik rasmi negara sekaligus memenuhi hasrat Kerajaan ke arah pelaksanaan *Digital Government* dalam meningkatkan nilai perkhidmatan awam menerusi *Big Data Analytics* (BDA). Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan.

StatsBDA dibangunkan dengan kerjasama strategik DOSM dan Telekom Malaysia Bhd. Ia merupakan projek mega yang telah dirangka dalam Pelan Strategik ICT 2016-2020 dan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020 bagi memastikan produktiviti dan pemodenan ICT dapat mengoptimumkan perkhidmatan statistik DOSM serta selaras dengan RMK-11. Pelaksanaan StatsBDA akan menyaksikan perubahan terhadap proses generik bisnes statistik daripada kaedah konvensional sama ada dalam proses pengumpulan, penyusunan, analisis atau penyebaran data kepada kaedah moden yang lebih komprehensif dalam mengeluarkan indikator baharu dan memberikan gambaran (*insight*) bagi pengeluaran statistik rasmi negara.

Pelaksanaan projek ini dipercayai berupaya memberi impak penting terhadap proses membuat keputusan berdasar penyediaan maklumat terkini (*real-time information*) serta hasil daripada *predictive analytics* yang dilaksanakan. Projek yang dilaksanakan ini mampu memberi nilai tambah kepada kerajaan dalam penyediaan dan penyebaran data statistik yang komprehensif serta *reliable*.

YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan turut memaklumkan bahawa StatsBDA dapat membantu dalam memodenisasikan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan yang akan dilaksanakan pada tahun 2020. Projek ini bakal mengurangkan kos operasi, mempercepatkan proses pengumpulan dan penyusunan data serta membantu analisis bagi pembentukan model statistik baharu.



StatsBDA merangkumi enam inisiatif iaitu:

- Trade by Enterprise Characteristics (TEC)
- Price Intelligence (PI)
- Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS)
- Real Time Business Status (RTBS)
- BizCode@Stats Mobile Apps
- Real Time News on Official Statistics (RTOS)

# SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1438 HIJRAH

**SERDANG, SELANGOR** 2 Oktober 2016 - Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan telah diadakan di Taman Ekspo Agro Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor dengan bertemakan "Ukuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah". Sebanyak 105 kontinjen telah menyertai perarakan sejauh 1.7 kilometer dengan melibatkan kira-kira 10,000 peserta daripada agensi kerajaan dan swasta, badan beruniform, pertubuhan bukan kerajaan dan pelajar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata tema yang telah dipilih pada tahun ini bertepatan dengan usaha kerajaan menyatupadukan rakyat, hidup rukun dan harmoni serta muhibah yang menjadikan transformasi kepada kemakmuran negara. Jabatan Perangkaan Malaysia telah menghantar kontinjen seramai 40 orang anggota.



# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT JABATAN

**PUTRAJAYA** 1 Disember 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Dewan Anggerik dengan tema pada tahun ini iaitu "Ukuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah". Tema ini bertepatan dengan usaha kerajaan menyatupadukan rakyat, hidup rukun dan harmoni serta penuh muhibah yang menjadi transformasi kepada kemakmuran negara.

Topik ceramah adalah berkaitan "Bicara Rasul: Mencintai Rasullah S.A.W, dimana peranan keluarga" disampaikan oleh YBhg. Dato' Ustaz Badli Shah Alauddin manakala sesi persembahan telah dimeriahkan oleh pelajar Tahfiz dari Sekolah Maahad Tahfiz (Integrasi) Akademik Iqro Al-Quran (MATIQ) Sungai Merab, Bangi.



# MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI, JABATAN PERDANA MENTERI 2016

**PUTRAJAYA** 20 Julai 2016 - Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya 2016 bertempat di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis Hari Raya JPM yang dihadiri Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak; Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan serta Menteri Kabinet. Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Perangkawan Malaysia YBhg. Datuk Dr Abdul Rahman Hasan.

Dalam ucapan, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengingatkan agar penjawat awam tidak hilang fokus dan mengutamakan Dasar Transformasi Negara demi kesejahteraan rakyat dan negara. Beliau yakin dan percaya pencapaian negara dapat ditingkatkan dan wawasan negara dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak.

Sebanyak 20 gerai telah dibuka di majlis tersebut yang menyediakan pelbagai juadah dan hidangan yang disumbangkan oleh pelbagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada majlis tersebut dua anggota DOSM iaitu Puan Normalayati Rosli dan En. Mohamad Zulrusdi Mohd Zain telah dinobatkan sebagai Naib Juara bagi pertandingan nyanyian JPM Idol yang dijalankan semasa majlis berlangsung. Manakala booth YB Datuk Rahman Dahlan pula memenangi tempat ketiga bagi pertandingan menghias booth.



# KUNJUNGAN HORMAT

## Unit Khas Strategik, Jabatan Perdana Menteri

**PUTRAJAYA** 8 Ogos 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Datuk Rostam Affendi bin Salleh, Pengarah Strategik 1, Unit Khas Strategik (UKS), Jabatan Perdana Menteri. Tujuan kunjungan ini adalah untuk memperkuatkkan lagi kerjasama di antara DOSM dan Unit Khas Strategik (UKS), Jabatan Perdana Menteri.



## Konsultan Projek The System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)

**PUTRAJAYA** 17 Ogos 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat YBrs. Dr. Mohd Yusof Saari dari Universiti Putra Malaysia sempena pelantikan beliau sebagai konsultan bagi pilot projek "Supporting Member States in Developing and Strengthening Environment Statistics and Integrated Environmental-Economic Accounting for Improved Monitoring of Sustainable Development" bagi tempoh 1 Julai 2016 sehingga 31 Oktober 2017.



Pasukan konsultan projek ini terdiri daripada Dr. Mohd Yusof Saari, Dr. Tengku Hanidza Tengku Ismail, Asso. Prof. Dr. Shaufique Fahmi Ahmad Siddique, Dr. Azman Hassan, Cik Robia'tul Adawiyah Salihuddin Ayobbi dan Cik Nur Syafawani Shariff.



## INTERNATIONAL CIVIL SERVICE COMMISSION (ICSC)

**PUTRAJAYA** 2 September 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada ICSC yang diketuai oleh Miss Michelle Gyles-McDonough, UN Resident Coordinator dan turut disertai oleh Dr. Ibrahim Yansaneh, Chief Cost of Living Division, ICSC. ICSC merupakan sebuah badan pakar bebas yang bertanggungjawab mengawal dan menyelaras kebijakan anggota yang berkhidmat dalam organisasi United Nations (UN). Ini termasuk penilaian terhadap keadaan kos sara hidup anggota dan ICSC bercadang untuk melaksanakan kajian kos sara hidup di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, kunjungan hormat ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman Jabatan mengendalikan pungutan harga pengguna bagi menerbitkan Indeks Harga Pengguna (IHP) bulanan. Selain itu, Jabatan turut menjelaskan penggunaan data IHP Malaysia oleh pengguna utama seperti pemantauan dasar monetari negara dan pembentukan gaji minimum.



## MAJLIS PROFESOR NEGARA (MPN)

**PUTRAJAYA** 4 Oktober 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada ahli-ahli MPN yang diketuai oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose, Ketua Pegawai Eksekutif. Tujuan kunjungan ini adalah untuk saling bertukar pandangan dan berkongsi matlamat serta maklumat MPN sejak awal penubuhannya sehingga kini.



## BEKAS PELAJAR UKM

**PUTRAJAYA** 19 Oktober 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada bekas pelajar UKM seramai 10 orang. Tujuan kunjungan ini adalah untuk bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pengalaman.



# LAWATAN AKADEMIK DALAM NEGERA

**PUTRAJAYA** Julai-Disember 2016 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerima beberapa lawatan dari agensi dan universiti dalam negara. Lawatan seperti ini merupakan medium bagi memperkenalkan peranan Jabatan kepada masyarakat terutamanya pelajar dan ia juga merupakan salah satu platform bagi mendidik literasi statistik dalam kalangan masyarakat umum selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020.

Program lawatan ini memberi peluang kepada agensi untuk mendapatkan maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh Jabatan.

Semasa sesi lawatan akademik ini, peserta diberi taklimat berkenaan maklumat korporat Jabatan manakala penceramah daripada Bahagian Butiran Perkara turut memberi penerangan berkaitan statistik yang ingin dipelajari oleh agensi tersebut selaras dengan objektif lawatan.

## DALAM NEGERA

BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/ PESERTA
1.	Management and Science University (MSU)	2 September 2016	Mengetahui mengenai kedudukan ekonomi semasa	68
2.	Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)	21 September 2016	Untuk mendapatkan penjelasan berkenaan penyusunan statistik khususnya KDNK di samping metodologi pensampelan yang dilaksanakan di Jabatan	12
3.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	27 September 2016	Untuk mengenai kaedah penyimpanan dan pengurusan data kajian serta prosedur perkongsian data kajian dengan pihak luar yang telah dan sedang diamalkan di Jabatan	10
4.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	3 November 2016	Untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkenaan dengan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan	41
5.	Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya	23 November 2016	Untuk memperluaskan ilmu pengetahuan dalam aspek Ekonomi Kewangan dari sudut Statistik	35
6.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	24 November 2016	Untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar berkaitan: a. Organisasi, objektif dan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia b. Perkhidmatan yang disediakan c. Aktiviti yang dijalankan d. Penggunaan data di Malaysia dan bagaimana ia mempengaruhi pembangunan dasar dan polisi di negara ini	30



MIDF



LPPKN



MSU



# LAWATAN LUAR NEGARA



BIL	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/ PESERTA
1.	<i>The System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)</i>	19 - 23 September 2016	(i) membincangkan dan memuktamadkan <i>National Plan (NP)</i> SEEA Malaysia bagi menyokong pelaksanaan SEEA secara berkala; (ii) membincangkan program pelaksanaan SEEA melibatkan UNSD dan pihak pengurusan DOSM serta agensi berkaitan; dan (iii) membincangkan berkaitan jalinan kerjasama dua hala dengan organisasi antarabangsa	4
2.	Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) bagi <i>International Merchandise Trade Statistics (IMTS)</i>	27 - 28 September 2016	Mengenali bidang validasi data terhadap IMTS, penilaian kualiti, proses penyebaran data, hubungan dengan Imbalan Pembayaran dan Akaun Negara serta indeks Perdagangan	10
3.	Bangladesh Bureau of Statistics	25 - 28 Oktober 2016	Untuk mempelajari Perangkaan Penting yang dihasilkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia	8
4.	Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) bagi <i>Institutional Building</i>	29 - 30 November 2016	Untuk mempelajari ketepatan data dan kualiti statistik	10





## STATISTICAL TRAINING COURSE FOR ASEAN MEMBER STATES ON SURVEY METHODOLOGY AND SEASONAL ADJUSTMENT COURSE

SUNGKAI, PERAK 24-28 Oktober 2016 – DOSM dengan usaha sama ASEAN Secretariat (ASEC) dan European Commission - Capacity Building Project for Monitoring Integration Progress and Statistics (EU-COMPASS) telah menganjurkan *Statistical Training Course for ASEAN Member States (AMS) on Survey Methodology and Seasonal Adjustment Course* di Institut Latihan Statistik Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk:

- i. menyediakan platform untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman dalam menangani cabaran serta isu dalam penghasilan statistik yang berkualiti;
- ii. membantu membangunkan *business case* yang mampu menyokong penghasilan statistik mengikut kesesuaian negara; dan
- iii. memantapkan pengetahuan dan kemahiran anggota bagi pengukuhan sistem penyusunan statistik di kalangan AMSs.

Kursus yang dikendalikan oleh pakar dari DOSM dan dihadiri 38 peserta dari negara anggota ASEAN membolehkan DOSM memperoleh pelbagai faedah. Penganjuran kursus peringkat antarabangsa seperti ini merupakan platform kepada pengukuhan pengeluaran statistik rasmi agar seiring dengan piawaian antarabangsa dan menjamin integriti data negara setanding *National Statistics Office* negara maju. Di samping itu Malaysia khususnya DOSM dan ILSM dalam penganjuran kursus statistik di peringkat Asia Pasifik dapat ditingkatkan selain pengiktirafan kepakaran *Subject Matter Expert (SME)* DOSM sebagai pakar rujuk dalam bidang statistik.



# TRAINING WORKSHOP ON THE SYSTEM OF ENVIRONMENTAL-ECONOMIC WORKSHOP ACCOUNTING WITH A FOCUS ON WATER ACCOUNTING



- i. mengukuhkan pengetahuan dalam Penyusunan Akaun SEEA dengan memberi fokus kepada *Water Accounting* di peringkat *intermediate*;
- ii. mengharmonikan aktiviti pengumpulan data dan statistik alam sekitar yang lebih berintegriti dan *reliable* selaras dengan saranan manual antarabangsa SEEA *Central Framework* 2012; dan
- iii. melahirkan kumpulan pakar dan menjadi pakar rujuk dalam pembangunan SEEA di peringkat Asia Pasifik.

Seramai 37 peserta iaitu 25 peserta dari dalam negara dan 12 peserta daripada negara terpilih di rantau Asia Pasifik terlibat dalam program ini yang dikendalikan oleh 4 orang penceramah dari luar negara.





## HARI SUKAN NEGARA

**PUTRAJAYA 8 OKTOBER 2016** - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyertai Hari Sukan Negara anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama semua Jabatan dan Agensi sekitar Kompleks C. Program Family Fun Walk @ Hari Sukan Negara adalah bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara yang merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan dalam mentransformasikan Malaysia kepada sebuah "Negara Bersukan" (*Sporting Nation*). Sambutan yang diadakan secara tahunan ini diadakan pada setiap Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun.

Program ini dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama-sama Ketua-ketua agensi yang terlibat serta seluruh warga penjawat awam di Kompleks C, Putrajaya. Antara kementerian dan agensi yang mengambil bahagian adalah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya, Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri, Majlis Profesor Negara dan Tabung Haji Properties. Seramai 2,500 penjawat awam telah hadir pada program kali ini.

Program ini diadakan bagi memupuk budaya bersukan di kalangan penjawat awam dengan mengamalkan cara hidup sihat, cergas dan aktif. Selain itu, sambutan pada kali ini turut melibatkan aktiviti bersukan bersama ahli keluarga peserta yang hadir. Ia dapat mewujudkan budaya bersukan yang harmoni dan meningkatkan hubungan ukhwah sesama ahli keluarga mereka serta rakan sekerja.

Aktiviti utama program ini ialah aktiviti berjalan kaki sejauh 2 kilometer mengelilingi Jejak Sisiran 1, Putrajaya yang bermula dari Dataran Kompleks C, Putrajaya. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan yang merangkumi tiga segmen iaitu kecergasan, keseronokan dan pameran seperti aktiviti bersenam, pertandingan, jualan dan riadah serta penampilan khas oleh maskot Upin dan Ipin.



# PERTANDINGAN BOWLING DOSM 2016

**SERI KEMBANGAN** 15 Oktober 2016 - Pertandingan Bowling DOSM 2016 dianjurkan dengan gabungan PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kelab Sukan Statistik di Mines Wonder Bowl, The Mines Shopping Complex.

KEPUTUSAN	VIP (Lelaki)	VIP (Wanita)	KUMPULAN	INDIVIDU (Lelaki)	INDIVIDU (Wanita)
Johan	Encik Mohd Suhaimi Mohd Rashid (BPPAS)	Puan Siti Asiah Ahmad (BPIP)	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP '1')	Encik Mohd Azril Ramli (BKP)	Cik Nor Azliza Ibrahim@Yusof (BMP)
Naib Johan	YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan	YBhg. Datin Wan Aziron Ahmad	KEPP-STATS	Encik Suhaimi Saudi (BKP)	Puan Nur Azlilyany Mok Abdullah (BKD)
Ketiga	Encik Mohd Yazid Kassim (BPPIB)	Puan Ezatul Nisha Abdul Rahman (BPHPP)	Bahagian Metodologi & Penyelidikan (BMP)	Encik Fauzi Mustaffa (BPPLN)	Puan Laili Mat Saad (BKD)



## KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP DOSM 2016

**BANGI** 23 Oktober 2016 - Kejohanan Futsal Tertutup DOSM 2016 telah diadakan di Galaxy Futsal, Bangi.

KEPUTUSAN	LELAKI	WANITA
Johan	Minlon United (BPIP)	Minlon Girls (Gabungan BPIP & BPP)
Naib Johan	F4 Boys (BPPD)	Angel 6 (BPHPP)
Ketiga	Trade Force 5 (BPPLN)	BKP Ladies (BKP)



## PERTANDINGAN BOWLING INTER AGENSI, JABATAN PERDANA MENTERI 2016



**PUTRAJAYA** 27 November 2016 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjadi Johan bagi kategori Pasukan Wanita dalam Pertandingan Bowling Inter Agensi, Jabatan Perdana Menteri 2016 yang telah diadakan di ARL Power Bowl, Alamanda, Putrajaya. Majlis Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Othman Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Jabatan diwakili oleh Puan Nur Azlyalny (BKD), Puan Faridah (BKP), Cik Azliza (BMP) dan Puan Sabariah (BPP).

# MAJLIS SANJUNGAN BUDI SEJAMBAK KASIH

PUTRAJAYA 2 Disember 2016 - Gabungan Persatuan dan Kesatuan di Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Sejambak Kasih bagi meraikan persaraan YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia. Pada majlis yang telah dihadiri 230 warga Jabatan ini, YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan menyampaikan amanat, beliau juga mendeklamasi sajak hasil nukilan beliau.



Untuk sahabat...

Masih ingat akan saat kita bersama ....  
Mengikat persahabatan nan erat di DOSM  
Yang tak mungkin kita dapat dipisahkan  
Oleh sesiapapun...

Namun detik demi detik berlalu  
Satu persatu kita hilang dibawa arus  
Bagaikan dedaun terurai ditanah  
Yang tak bisa kembali seperti dulu

Saat hati ini meronta-ronta ingatkan kalian  
Saat itu pula air mata meleleh keluar menitis  
Saat mata ini melihat semua kalian  
Saat ini pula rasanya tidak mau berpisah lagi

Apakah kita mampu bersama....?  
Tertawa seperti dulu..  
Namun sedari diri kita semuanya ada tempoh..  
Waktu tak mengizinkan lagi

Sekurang-kurang hati ini puas dan redha  
Menerima khabar semuanya hidup bahagia  
Ada waktu....  
Kita bertanya khabar dan tertawa lagi  
Namun dalam ruang yang berbeda...

